

## MALAYSIAN JOURNAL OF HUMAN ECOLOGY

Journal Homepage: [https://eco1.upm.edu.my/jurnal\\_mjhe-3740](https://eco1.upm.edu.my/jurnal_mjhe-3740)

---

---

### **GAYA HIDUP MATERIALISME, PEMAKANAN DAN KESIHATAN DALAM KALANGAN PENERIMA ZAKAT FISABILILLAH DI UPM**

Askiah Jamaluddin

*Department of Resource Management and Consumer Studies, Faculty of Human Ecology, Universiti Putra Malaysia*

#### **ABSTRAK**

Satu kajian deduktif terhadap 124 pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) yang mendapat bantuan zakat fisabilillah dikaji. Zakat diberikan kepada pelajar yang kurang berkemampuan. Ia membantu pelajar mengurangkan bebanan kewangan dan menjalani kehidupan yang sejahtera. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti gaya hidup materialistik, pemakanan dan kesihatan mereka. Kajian ini dilakukan ke atas pelajar yang mendapat bantuan zakat fisabilillah dari WAZAN UPM. Seramai 124 responden yang menjawab dan memulangkan semula borang soal selidik. Hasil kajian mendapati, majoriti responden berasal daripada keluarga yang berpendapatan rendah dan mempunyai ahli keluarga yang ramai. Hasil kajian ini mendapati 91.9% pelajar yang mendapat zakat fisabilillah datang dari keluarga yang berpendapatan isirumah RM3000 ke bawah. Zakat yang diperolehi oleh mereka adalah sekitar RM200-RM500 bagi satu semester. Tiga kenyataan yang menyatakan responden meminati gaya hidup materialistik adalah mereka amat mengagumi orang yang memiliki rumah, kereta dan pakaian berjenama. Mereka juga membeli belah bagi mencapai keseronokan diri dan pencapaian paling penting dalam kehidupan adalah memperolehi harta benda. Hasil kajian ini amat penting untuk penyediaan program sendiri bagi pelajar ini. Hasil kajian ini juga penting untuk Pusat Zakat Malaysia amnya, dan khusus bagi Pusat Zakat UPM dalam pengurusan pemberian zakat fisabilillah kepada pelajar universiti dalam usaha meningkatkan kesejahteraan hidup mereka.

**Keywords:** *Gaya hidup, Materialistik, Pemakanan dan Kesihatan, Zakat Fisabilillah, Pencapaian Akademik*

#### **Corresponding author:**

Askiah Jamaluddin, PhD  
Emel: [askiah@upm.edu.my](mailto:askiah@upm.edu.my)  
Tel: 03.9769 7098

## PENGENALAN

Zakat fisabilillah atau zakat pendidikan merupakan salah satu bentuk bantuan terpenting kepada golongan pelajar. Ini kerana pendidikan merupakan salah satu kaedah yang dapat mengubah kehidupan dan mengeluarkan golongan ini daripada kekangan kewangan dalam menyara kehidupan seharian (Azhar et al., 2015). Dengan ini, Institusi zakat di Malaysia telah memainkan peranan dalam menyalurkan dana zakat dalam bentuk bantuan pendidikan kepada golongan pelajar miskin agar mereka mendapat peluang untuk berjaya. Bantuan pinjaman pendidikan PTPTN adalah bantuan kewangan bagi pelajar yang melanjutkan pelajaran keperingkat tinggi. Namun jumlah yang diterima adakalanya tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan pelajar. Ia berkaitan dengan kos sara hidup pelajar dan kehendak pelajar yang pelbagai. Pada tahun 2013, terdapat beberapa kes yang dilaporkan termasuklah kes keciciran dalam pelajaran kerana gagal melunaskan yuran (Norsuhailly et al., 2015). Kes-kes seperti ini menjadikan institusi zakat sebagai sebuah institusi yang perlu memainkan peranan yang sangat penting dalam menyalurkan bantuan zakat dari segi pendidikan kepada golongan ini (Azhar et al., 2015).

Tabung Amanah Zakat UPM telah ditubuhkan dengan kerjasama Lembaga Zakat Selangor (LZS) sejak tahun 2002 yang diletakkan di bawah tanggungjawab Ketua Unit Kebajikan Pelajar (UKP), Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP). Berdasarkan Perjanjian Pelantikan Penolong Amil antara UPM dengan LZS, UPM hendaklah menyerahkan semua kutipan zakat kepada pihak LZS dan seterusnya LZS akan mengembalikan semula kepada UPM sebanyak 50% daripada hasil kutipan zakat tersebut sebagai peruntukan dana agihan untuk

disalurkan kepada lima kategori fisabilillah dalam kalangan warga UPM yang layak dan berhak. Antara lima golongan fisabilillah tersebut ialah fakir, miskin, muallaf, ibnu sabil dan fisabilillah.

Namun demikian, atas beberapa faktor tertentu, aktiviti kutipan dan agihan zakat UPM hanya dapat dimulakan pada tahun 2004 dengan catatan angka kutipan zakat sebanyak RM934,474.04 dan agihan dana fisabilillah berjumlah RM100,838.50 pada tahun tersebut. Seterusnya pada tahun 2009, BHEP telah menaiktaraf UKP menjadi Seksyen Kebajikan Pelajar (SKP) dan menubuhkan satu unit baharu di bawahnya iaitu Unit Pengurusan Zakat dan Kerohanian (UPZK) bagi menambah baik pengurusan zakat dan memperkasa aktiviti kerohanian pelajar.

Peacock dan Wong (1990) menyatakan keadaan kesempitan kewangan keluarga serta latar belakang ibu bapa yang tidak berpendidikan yang dialami oleh pelajar boleh menimbulkan gangguan kepada proses pembelajaran mereka. Masalah kewangan ini bukan sahaja berpunca dari kemiskinan hidup kerana ibubapa yang bekerja dalam pekerjaan yang berpendapatan rendah dan tidak tetap seperti pekerja kampung, buruh kasar dan penjaja. Namun terdapat juga keluarga yang dari golongan berpendapatan sederhana yang tiba tiba kematian bapa yang menjadi punca utama pendapatan keluarga.

Pelajar-pelajar miskin mudah untuk ketinggalan dalam pelajar hanya disebabkan oleh masalah kekangan kewangan dan gaya hidup yang diamalkan. Pelajar terdorong untuk bekerja sambil bagi menampung pembelajaran mereka, sambil membantu ibu bapa mereka untuk mendapatkan wang. Mempunyai jumlah adik beradik yang ramai

juga antara faktor pelajar mengambil langkah untuk bekerja sambil bagi menampung perbelanjaan harian (Sarah, Aisyah dan Hairulnizah, 2015). Keseimbangan antara masa bekerja dan belajar bukanlah mudah bagi golongan ini. Di khawatiri akan menjejaskan pencapaian akademik pelajar akibat masalah kewangan yang perlu ditangani.

Menurut Sarah et al., (2015), pelajar universiti yang meminjam daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) selalu merungut bahawa duit yang dipinjamkan tidak mencukupi untuk menampung kehidupan di kampus. Hal ini berikutan bukanlah kerana ketidakcukupan wang yang diberikan. Wang tersebut digunakan bagi memenuhi keperluan dan juga kehendak sebagai seorang mahasiswa. Menurut hasil kajian Sarah et al., (2015), duit PTPTN yang diberikan terus dihalakan ke barang-barang yang tidak diperlukan yang boleh dikatakan ia hanyalah dikategorikan sebagai barang kehendak sahaja seperti membeli baju yang berjenama, restoran makanan segera, barangan solekan dan lain-lain lagi. Hal ini yang menyebabkan berlakunya kes ketidakcukupan wang apabila dipertengahan sehingga diakhir semester.

Oleh kerana masalah yang berlaku ini, kajian ini mengkaji tentang gaya hidup materialism, pemakanan dan kesihatan dalam kalangan pelajar fisabilillah di UPM. Objektif kajian ini merangkumi dua perkara. Pertama, mengenalpasti latarbelakang sosioekonomi ibubapa pelajar fisabilillah yang mendapat bantuan zakat UPM. Kedua, mengenalpasti gaya hidup materialism, pemakanan dan kesihatan pelajar fisabilillah yang mendapat bantuan zakat UPM. Kajian ini sangat penting untuk pusat zakat Malaysia dan pusat zakat UPM untuk memprofilkan penerima zakat fisabilillah dan menyediakan alternatif

pekerjaan dan program bagi pelajar golongan ini.

## **SOROTAN LITERATURE**

### **Gaya Hidup Materialisme**

Materialisme adalah gaya hidup masyarakat masa kini yang lebih mengutamakan keinginan untuk mengejar hal kebendaan. Penilaian terhadap seseorang itu dibuat melalui apa yang dipakai, jenama barangan, rumah yang didiami dan sebagainya. Menurut Siti Alida dan Halimah (2007), kehidupan dan keperluan kewangan semasa di sekolah dan di universiti amatlah berbeza. Keperluan kewangan semasa menuntut di universiti jauh lebih tinggi daripada yang diperlukan diperingkat sekolah. Apatah lagi tuntutan mengurus kewangan perlu lebih bijak dan berhemah diperingkat universiti. Ini kerana kehidupan di kampus dan berjauhan dari keluarga terutama ibu dan ayah. Pelajar secara individu perlu merancang dan menguruskan wang yang ada bagi mengelakkan masalah kewangan sepanjang berada dikampus dan pengajian. Kewangan yang diurus dengan baik akan membantu proses pembelajaran lebih terurus.

Menurut Musthofa dan Fikri (2011), sikap boros antara salah satu sikap yang menjadikan masyarakat materialistik kerana masyarakat itu lebih mementingkan wang dan harta benda. Ini merangsang mereka membeli barang seperti gajet canggih yang hangat di pasaran. Demi mengikut fesyen terkini, pelajar sanggup membelanjakan wang yang ada. Contoh yang terkini merupakan trend iPhone. Telefon bimbit ini mempunyai pelbagai fungsi. Ianya menjadi trend pelajar zaman ini. Tambahan pula, ianya sesuai untuk kegunaan pelajar universiti untuk akses kepada internet dan mencari bahan kajian. Namun begitu, kebanyakan pelajar tidak mempunyai kemampuan untuk mendapatkan telefon iPhone. Harga telefon

bimbit tersebut amat mahal. Gaya hidup materialistik ini akan memakan diri pelajar sendiri.

Gaya hidup materialisme ini memberikan impak yang negatif kepada masyarakat (Podoshen et al., 2011) terutamanya pelajar universiti. Pelajar antara masyarakat yang ingin menjalani kehidupan harian mereka dengan selesa. Tambahan pula, zaman serba moden ini terlalu banyak cabaran dari segi ekonomi yang membuatkan ramai orang bekerja keras untuk hidup dengan selesa. Menurut Fu et al., (2015)) menjelaskan gaya hidup materialistik ini boleh dikurangkan sekiranya pelajar bijak dalam menguruskan kewangan mereka. Ibubapa juga perlu memupuk semangat menabung terhadap diri pelajar semasa mereka masih kecil. Bak kata pepatah 'melentur buluh biarlah dari rebungnya' supaya mereka terbiasa menabung sehingga dewasa.

Menurut Chaplin et al., (2010), gaya hidup materialistik ini berkait rapat dengan hedonik. Gaya hidup hedonistik adalah kehidupan yang mencari kesenangan, seperti menghabiskan lebih banyak masa di luar rumah, menikmati kesibukan di bandar, menikmati membeli barang mahal yang disukai dan selalu ingin menjadi pusat perhatian. Golongan pelajar universiti adalah golongan muda yang mudah terdedah dengan gaya hidup ini. Apatah lagi bila menghadapi kesukaran hidup terutama dari segi kewangan.

### **Gaya hidup Pemakanan dan Kesihatan**

Masyarakat pelbagai peringkat usia pada masa kini cenderung kepada masalah kesihatan dan pemakanan. Mereka berdepan dengan risiko pelbagai ancaman penyakit sekiranya mereka tidak mengamalkan gaya hidup sihat serta pemakanan yang seimbang. Pada zaman yang serba canggih ini, semua orang terlalu sibuk dengan hal dan kerjaya masing-masing hingga

mengabaikan pengambilan pemakanan seimbang dalam kehidupan seharian mereka. Mereka lebih gemar mengambil makanan segera dan tidak berkhasiat seperti mi segera, minuman berkarbonat, burger dan sebagainya. Pelajar universiti juga tidak terkecuali dengan masalah penyakit berisiko. Mereka berisiko untuk mendapat masalah kesihatan kerana gaya hidup pemakanan yang diamalkan. Ia disokong oleh kajian Fitzroy et al (2018) dimana mereka yang berasal dari keluarga berpendapatan rendah kurang mengamalkan gaya hidup pemakanan dan kesihatan yang sihat. Ini kerana ketidakcukupan wang untuk membeli makanan yang berkhasiat. Sebilangan daripada pelajar mengambil mudah terhadap kepentingan bersarapan pada waktu pagi. Masalah berlaku akibat mempunyai masa yang terhad untuk bersarapan dan juga akibat ketidakcukupan wang untuk membeli makanan. Ini yang mengakibatkan mereka makan tidak mengikut waktu dan mengalami masalah kesihatan.

Hampir 50% pelajar universiti yang mendapat bantuan kewangan di Utara Coralina yang menyatakan mereka tidak mendapat cukup makanan (McArthur et al, 2018). Kebanyakan mereka terdiri daripada pelajar lelaki, mempunyai gred akademik yang rendah dan mempunyai masalah kesihatan. Kajian itu menjelaskan golongan pelajar ini membeli makanan murah, makanan yang diproses dan makan makanan yang kurang berkhasiat. Itu adalah cara golongan pelajar disana menggunakan wang yang ada dengan membeli makanan yang mampu dibeli mereka. Kajian tersebut mengesyorkan pelajar ini diberi latihan dan kemahiran membeli makanan yang berkhasiat dan menyediakan sendiri makanan yang sihat. Mereka juga mencadangkan penyediaan kewangan khas untuk diberi kepada golongan pelajar ini bagi memastikan mereka makan makanan berkhasiat. Ini secara tidak langsung menjaga kesihatan pelajar tersebut.

Mereka menganggap pelajar merupakan modal insan yang utama dan pelajar universiti ini sewajarnya dijaga dengan baik untuk pembangunan negara pada masa hadapan.

Selain itu, pelajar kini gemar membelanjakan wang mereka untuk kesihatan. Sebilangan daripada pelajar yang memupuk kesedaran kesihatan dalam diri cenderung untuk menggunakan wang pinjaman pendidikan mereka bagi membeli keperluan seperti vitamin, set kesihatan, alatan sukan dan sebagainya. Keinginan untuk tampak lebih segar dengan tubuh badan yang tegap menjadi kepentingan bagi pelajar kini baik lelaki mahupun perempuan. Disebabkan ini, banyak gymnasium disediakan disekitar universiti. Keasyikan untuk membina badan di usia remaja ini membuatkan segelintir pelajar yang menggunakan wang ini untuk pergi ke gymnasium dan juga membeli makanan tambahan yang boleh mencapai ratusan harganya.

## METODOLOGI

Lokasi kajian yang dijalankan adalah di Universiti Putra Malaysia (UPM). UPM dipilih kerana ia mempunyai institusi pusat zakat peringkat universiti yang paling sistematik dan aktif. Responden kajian ini adalah pelajar yang mendapat bantuan zakat fisabilillah dari Pusat Zakat UPM. Pemilihan responden adalah secara persampelan rawak mudah. Persampelan sistematik tidak dapat dilakukan kerana penyelidik tidak mendapat senarai nama lengkap pelajar fisabilillah ini kerana ianya adalah rahsia. Sebanyak RM652,769.71 diperuntukkan untuk pelajar fisabilillah. Ia merupakan peruntukan yang kedua tinggi selepas peruntukan untuk pelajar miskin. Oleh itu, penyelidik mengedarkan sebanyak 250 borang soal selidik kepada pelajar UPM yang pernah mendapat zakat fisabilillah.

**Rajah 1: Laporan agihan zakat mengikut lima kategori asnaf di UPM tahun 2018**



Instrumen kajian menggunakan borang soal selidik untuk mengumpulkan data. Terdapat tiga bahagian dalam borang soal selidik. Yang pertama adalah untuk mendapatkan maklumat tentang latarbelakang keluarga pelajar yang mendapat zakat fisabilillah. Keduanya, untuk mendapatkan maklumat tentang gaya hidup materialistik. Bahagian akhir, untuk mendapatkan maklumat tentang pemakanan dan kesihatan pelajar ini. Bagi soalan gaya hidup materialistik terdapat 13 soalan, dan 18 soalan berkenaan gaya hidup pemakanan dan kesihatan. Skala likert digunapakai bagi soalan gaya hidup. Skala liket 1 adalah sangat setuju dan skala liket 3 adalah sangat tidak setuju. Analisis dijalankan bagi mengenalpasti item mana yang sangat dipersetujui oleh pelajar ini dan purata bagi setiap item dikenalpasti.

Sebanyak 250 borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden yang pernah mendapat zakat fisabilillah. Penyelidik menyerahkan borang soal selidik kepada mereka yang pernah mendapat zakat fisabilillah. Mereka yang mendapat zakat fisabilillah, mengenali sekumpulan penerima zakat ini. Borang soal selidik diedar dan dibawa balik untuk diisi sendiri oleh penerima zakat ini. Penyelidik memaklumkan untuk menghantar segera kepadanya apabila selesai mengisi borang soal selidik tersebut. Namun, hanya 124 responden yang menjawab dan memulangkan semula borang soal selidik ini. Pengumpulan data ini dilakukan dalam tempoh sebulan setengah iaitu dari bulan Mac ke bulan April kerana masa amat terhad. Agak sukar untuk mendapatkan maklum balas daripada golongan ini. Golongan yang mendapat zakat fisabilillah bukan sahaja datang dari keluarga miskin dan keluarga berpendapatan isirumah kurang dari RM3000. Terdapat juga pelajar yang dari keluarga golongan pertengahan yang menghadapi krisis kewangan keluarga kerana kematian ayah atau ibu yang merupakan punca

kewangan utama, ibu yang diceraikan dan yang ditinggalkan ibubapa hidup sendirian. Golongan ini juga agak sensitif untuk diminta maklumbalas berkenaan borang soal selidik yang diberi. Oleh itu, 49.6% sahaja yang memberi maklumbalas untuk kajian ini dan hanya 124 borang soal selidik telah dianalisis. Data yang dikumpulkan di analisis untuk eksplorasi gaya hidup pelajar yang mendapat zakat fisabilillah. Analisis yang digunakan adalah analisis deskriptif untuk mengenalpasti latarbelakang pelajar yang mendapat zakat fisabilillah, mengenalpasti gaya hidup materialistik, pemakanan dan kesihatan pelajar. Walaupun ianya kajian deskriptif tetapi ia dapat memberi makna tentang gaya hidup pelajar yang menerima zakat fisabilillah.

## **HASIL KAJIAN**

### **Latar belakang Pelajar yang Mendapat Bantuan Zakat Fisabilillah**

Responden yang dikaji adalah 46% pelajar lelaki dan 54% pelajar wanita. Mereka adalah berumur antara 20 sehingga 27 tahun. Didapati 58.9% adalah berumur antara 20 ke 23 tahun dan 41.1% berumur antara 24 ke 27 tahun. Majoriti responden ini menyatakan status perkahwinan ibubapa mereka adalah berkahwin (89.5%). Hanya segelintir sahaja yang ibubapa bercerai atau kematian pasangan.

Bilangan adik beradik dipecahkan kepada tiga kategori. Ini kerana secara purata, sesebuah keluarga di Malaysia mempunyai dua ke tiga orang anak. Sebaliknya bagi responden dalam kajian ini. Di dapati, majoriti responden ini mempunyai bilangan adik beradik yang ramai dan lebih dari tiga orang. Seramai 65.3% responden ini mempunyai adik beradik antara 4 hingga 6 orang. Selebihnya iaitu 33.9% mempunyai bilangan adik beradik yang sangat ramai iaitu antara 7 hingga 12 orang.

Jadual 1 menunjukkan status pekerjaan dan pendapatan ibubapa. Hampir separuh daripada responden ini menyatakan bapa mereka bekerja sendiri. Diikuti oleh bapa yang bekerja di sektor swasta, sektor kerajaan dan yang telah bersara. Hanya sebilangan kecil sahaja yang bapanya tidak bekerja yang disebabkan oleh masalah kesihatan. Majoriti responden dalam kajian ini, bapa mereka mempunyai pendapatan kurang daripada RM3000. Minimum pendapatan sebulan bapa adalah RM400.

Lebih daripada separuh responden ini menyatakan ibu mereka adalah surirumah. Diikuti oleh ibu yang bekerja sendiri dan bekerja di sektor swasta. Amat sedikit bilangannya yang bekerja dengan sektor kerajaan. Majoriti responden dalam kajian ini, ibu mereka tidak mempunyai pendapatan dan 29.8% responden ini yang ibunya berpendapatan kurang daripada RM1500. Minimum pendapatan sebulan ibu adalah RM200.

Pendapatan keluarga bermaksud pendapatan bapa yang digabungkan dengan pendapatan ibu. Pendapatan keluarga bagi golongan pelajar ini adalah rendah dengan majoriti daripada mereka berasal dari keluarga yang berpendapatan RM3000 ke bawah. Sesebuah keluarga yang berpendapatan RM3000 ke bawah dianggap berada dalam kelompok kemiskinan terutama mereka yang tinggal dikawasan bandar.

**Jadual 1: Status Sosioekonomi Ibubapa Pelajar**

Item	Bilangan	Peratus
<b>Pekerjaan Bapa:</b>		
Kerajaan	15	12.1%
Swasta	28	22.6%
Bekerja sendiri	59	47.6%
Bersara	17	13.7%
Tidak bekerja	5	4.0%

<b>Pendapatan bapa sebulan:</b>		
<RM1500	77	62.1%
RM1501-RM3000	38	30.6%
RM3001-RM5000	4	3.2%
Tiada Pendapatan	5	4.0%

<b>Pekerjaan Ibu:</b>		
Kerajaan	7	5.6%
Swasta	13	10.5%
Bekerja sendiri	23	18.5%
Suri rumah	81	65.3%

<b>Pendapatan Ibu sebulan:</b>		
<RM1500	37	29.8%
RM1501-RM3000	5	4.0%
RM3001-RM5000	1	0.8%
Tiada Pendapatan	81	65.3%

<b>Pendapatan keluarga sebulan:</b>		
<RM1500	64	51.6%
RM1501-RM3000	50	40.3%
RM3001-RM5000	7	5.6%
RM6000 ke atas	1	0.8%
Tiada Pendapatan	1	0.8%

Lebih daripada separuh responden ini mendapat CGPA antara 3.00-3.74. Apa yang membanggakan, walaupun mereka kekurangan dari segi kewangan dan datang daripada latar belakang sosioekonomi yang rendah, namun mereka mampu melaksanakan tanggungjawab sebagai pelajar cemerlang. Dalam kajian ini terdapat 12.9% responden yang berada dalam golongan pelajar kelas pertama. Jadual 2 menunjukkan responden ini bukan sahaja menerima sekali sahaja zakat fisabilillah. Didapati 91.9% responden telah mendapat zakat UPM lebih dari 3 kali disepanjang penggajian mereka. Setiap semester pihak zakat akan memberi wang zakat kepada pelajar universiti yang berkecukupan. Kebiasaannya nilai wang zakat yang diberi adalah antara RM200 ke RM500 mengikut tahap status sosioekonomi keluarga.

Majoriti responden dalam kajian ini mendapat pinjaman kewangan pendidikan dari PTPTN. Namun, kos sara hidup sebagai pelajar bagi memenuhi keperluan dan kehendak adalah tinggi. Perubahan gaya hidup pelajar kini dan 10 tahun dahulu amat berbeza. Selain daripada pembelian makanan bagi memenuhi keperluan asas. Pelajar kini menggunakan wang untuk membeli minuman yang bersih dari “vending machine” khas, penggunaan perkhidmatan dobi dan gymnasium. Perkhidmatan komunikasi seperti telefon bimbit dan perkhidmatan internet sudah merupakan satu keperluan penting bagi pelajar universiti untuk mengakses maklumat dan menyiapkan kertas kerja. Perkhidmatan komunikasi ini merupakan perbelanjaan penting bagi pelajar harini dan ia melibatkan kos. Adakalanya perbelanjaan untuk perkhidmatan komunikasi melebihi perbelanjaan untuk makanan. Oleh itu, pelajar hari ini mempunyai pelbagai keperluan yang

melibatkan kos sara hidup pelajar universiti hari ini menjadi lebih tinggi.

Kos sara hidup pelajar universiti yang tinggi agak membebankan pelajar yang datang dari keluarga yang berlatarbelakang sosioekonomi yang rendah. Disini zakat memainkan peranan sangat penting dalam membantu pelajar ini meneruskan kehidupan sebagai pelajar universiti. Ketidacukupan wang akan membantutkan perjalanan pelajar sepanjang berada di universiti. Pelajar dari golongan ini biasanya tidak duduk diam dan berikhtiar untuk mendapatkan wang tambahan dengan bekerja separuh masa di kawasan berdekatan dengan universiti. Namun, dengan adanya zakat UPM ia dapat membantu golongan pelajar ini meneruskan kelangsungan hidup sebagai pelajar di Universiti.

**Jadual 2: Taburan Maklumat Terperinci tentang Responden**

Item	Bilangan	Peratus
<b>CGPA:</b>		
3.75-4.00	16	12.9%
3.00-3.74	78	62.9%
2.25-2.99	30	24.2%
2.00-2.24	-	-
<b>Berapa kali mendapat zakat:</b>		
1-2		
3-4	10	8.1%
5 -7	37	29.8%
	77	62.1%
<b>Jumlah zakat yang diterima:</b>		
RM200-RM400		
RM401-RM500	33	26.6%
>RM501	90	72.6%
	1	0.8%
<b>Anda penerima:</b>		
PTPTN	115	92.7%
Biasiswa	1	0.8%
JPA	2	1.6%
Lain-lain	6	4.8%

## **Gaya Hidup Responden**

Dalam kajian ini, terdapat tiga aspek gaya hidup pelajar fisabilillah yang dikaji. Gaya hidup ini terdiri dari aspek materialistik, pemakanan dan kesihatan. Kajian ini menggunakan kaedah analisis deskriptif bagi menerangkan tiga aspek gaya hidup responden yang terdiri daripada pelajar fisabilillah.

### **Gaya Hidup dari Aspek Materialistik**


Hasil kajian ini mendapati responden lebih ke arah gaya hidup materialistik. Majoriti responden dalam kajian ini mengagumi orang yang memiliki rumah, kereta dan pakaian mahal (item 1). Ianya diikuti oleh membeli belah adalah perkara yang memberi keseronokan kepadanya (item 7). Walaupun, responden ini tidak meletakkan penekanan kepada objek yang dimiliki orang sebagai tanda kejayaan (item 3), namun, responden tetap menyatakan beberapa pencapaian yang paling penting dalam kehidupan adalah dengan memperolehi harta benda (item 2).

Hasil kajian ini juga mendapati, sebagai remaja mereka suka mempunyai perkara/benda yang boleh menarik perhatian orang kepada dirinya (item 4). Mereka juga suka membelanjakan wang untuk perkara yang tidak praktikal (item

8) seperti membeli sabun cuci muka yang mewah, telefon bimbit model baru, baju dan kasut. Walaupun terdapat sebilangan responden yang sebegini, namun masih ada responden dalam kategori ini yang tidak mementingkan perkara/benda yang tidak diperlukan atau memberi perhatian kepada objek material orang lain.

Responden dalam kajian ini berpendapat kehidupan mereka akan menjadi lebih baik sekiranya mereka mempunyai perkara/benda tertentu yang mereka tidak ada (item 12) dan juga mereka akan lebih bahagia jika mereka mampu untuk membeli lebih banyak perkara/benda (item 13). Gaya hidup materialistik ini harus dibendung supaya golongan pelajar fisabilillah tidak mudah terjerumus ke arah negatif.

Kebendaaan menjadi isu utama bagi responden bagi menjalani kehidupan yang lebih sempurna. Hartabenda umpama kayu pengukur kehidupan yang selesai. Usia mereka yang muda tidak menyedari perkara lain juga penting untuk menjalani kehidupan yang sempurna (Baker et al., 2013) seperti kasih sayang dari ahli keluarga dan komuniti setempat, berbudi sesama rakan dan sentiasa berusaha dan berikhtiar.

**Rajah 1: Gaya hidup Materialistik dalam kalangan pelajar**

Kesimpulan dari gaya hidup materialistik dalam kalangan pelajar yang mendapat zakat fisabilillah ini adalah mereka inginkan gaya hidup mewah. Memperolehi aset atau harta benda menjadi keutamaan bagi hidup mereka. Apatahlagi, UPM kini dikelilingi oleh pusat membeli belah yang besar dan mewah. Pelajar sewajarnya ditanamkan gaya hidup bersederhana, menjalani kehidupan asas dan kekuatan kerohanian. Ada benarnya, (Sarah et al., 2015), yang mengkaji penggunaan duit PTPTN yang diberikan kepada pelajar tidak diuruskan dengan amanah oleh pelajar berkenaan. Wang yang diberikan adalah untuk perbelanjaan pelajar sepanjang berada di universiti iaitu yuran, pembelian barangan

pembelajaran dan makanan. Perbelanjaan seperti pakaian dan kasut, beg dan telefon bimbit bukanlah dibawah penggunaan wang PTPTN atau zakat fisabilillah. Pemikiran untuk menjalani gaya hidup materialistik sewajarnya di ubah dan pelajar ini dididik bagi membentuk gaya hidup yang minimalisme, bersederhana dan kukuh kerohaniannya.

### **Gaya Hidup Dari Aspek Pemakanan dan Kesihatan**

Dari aspek pemakanan dan kesihatan, responden ini diukur dengan 18 item. Aspek pemakanan dan kesihatan berkait rapat, dimana pelajar fisabilillah yang menjaga pemakanan dan kesihatan bermakna mereka menjalani

kehidupan yang lebih sejahtera. Majoriti menyatakan mereka menjalani gaya hidup yang sihat dengan menjaga pemakanan dan kesihatan.


Hasil kajian ini menunjukkan majoriti responden akan mengelakkan dari merokok (item 12). Diikuti oleh responden yang berminat dengan maklumat kesihatan (item 14) dan responden yang mengurangkan tekanan dan kebimbangan (item 10). Responden dalam kajian ini mengelakkan diri dari terjebak dengan rokok. Rokok kini harganya mahal dan ia merugikan wang pelajar. Apatah lagi, akibat merokok akan menyebabkan pelbagai masalah kesihatan dan gejala yang tidak sihat. Kempen kesedaran tentang bahaya rokok dalam kalangan pelajar universiti juga telah mempengaruhi gaya hidup pelajar supaya tidak merokok. Tambahan pula, di UPM adalah kawasan bebas asap rokok.

Pelajar universiti kini berminat dengan maklumat kesihatan seperti pengambilan vitamin. Maklumat kesihatan sering dicari oleh pelajar ini. Pencarian maklumat dari internet, di pusat membeli belah dan pelbagai cara untuk mendapatkan maklumat kesihatan. Pelajar ini

mengelakkan diri dari merokok dan mencari maklumat kesihatan, namun tidak mempraktikkan penjagaan makanan dan kesihatan. Mereka tidak pasti untuk pengambilan jumlah lemak yang digunakan (item 4) dan membuat senaman secara teratur (item 7). Lemak tepu membuatkan pelajar menjadi kurang sihat dan meningkatkan kadar kolestrol dalam badan. Jika mereka tidak bersenam secara teratur, ini akan meningkatkan risiko kesihatan pelajar golongan ini. Makanan yang diambil oleh pelajar adalah penentu kepada kesihatannya. Oleh itu, sewajarnya pelajar ini menjaga pemakanan dan kesihatan supaya kesejahteraan hidup sebagai pelajar di universiti lebih terjamin.

Kajian ini lebih berbentuk pertanyaan asas tentang pengambilan makanan berbentuk sayuran, lemak dan gula. Secara amnya, pelajar ini mendapat cukup makanan. Tidak seperti kajian di Utara Coralina, mendapati seramai 46% pelajar universiti tidak mendapat cukup makanan dimana kebanyakan adalah pelajar lelaki, gred akademik yang rendah, mendapat bantuan kewangan dan status kesihatan yang tidak baik (McArthur et al, 2018)

**Rajah 2: Gaya hidup dari aspek pemakanan dan kesihatan**



Kesimpulan bagi gaya hidup pemakanan dan kesihatan dalam kalangan pelajar yang mendapat zakat fisabilillah adalah sederhana. Mereka mendapat cukup makanan dan kehidupan mereka masih seimbang. Namun begitu, pihak universiti sewajarnya mengambil berat tentang gaya hidup pemakanan dan kesihatan pelajar ini. Ini kerana mereka merupakan sumber modal insan yang sangat penting untuk pembangunan ekonomi dan sosial pada masa hadapan. Berbanding dengan pelajar universiti di Amerika yang mendapat bantuan kewangan, pelajar Malaysia yang mendapat bantuan kewangan dari pusat zakat

masih dalam keadaan baik. Gred akademik juga dalam keadaan baik dan cemerlang.

**KESIMPULAN**

Hasil kajian ini menunjukkan gaya hidup materialistik, pemakanan dan kesihatan pelajar yang mendapat zakat fisabilillah. Sebagai remaja mereka menginginkan barangan dan penggunaan perkhidmatan dipasaran bagi menjalni kehidupan yang lebih daripada wang yang mereka ada. Kehidupan sebagai remaja agak mencabar apatah lagi jika mereka dibandingkan dengan rakan rakan yang datang dari keluarga yang berkemampuan. Mereka akan merasa diri mereka kekurangan dan

rendah diri. Ini dilihat dari perspektif psikologi. Zakat fisabilillah ini bukanlah untuk memenuhi keperluan ini sahaja. Zakat ini lebih mengutamakan kepada memenuhi keperluan fisiologi seperti kecukupan pembelian makanan dan barangan asas supaya kesejahteraan pelajar dipenuhi dari segi mental dan fizikalnya.

Golongan mahasiswa disyorkan untuk mengamalkan gaya hidup minimalisme yang sedikit sebanyak membantu mereka untuk tidak boros dan dapat menyimpan wang mereka untuk keperluan sepanjang empat tahun berada di kampus. Menurut Naim (2018) hidup secara minimalisme bukannya bermakna miskin dan tidak berharta tetapi perasaan lebih selesa menjalani hidup secara sederhana dan ringkas. Pelajar yang hidup secara minimalisme bukanlah sesuatu yang keterlaluan kerana mereka mampu untuk membezakan antara keperluan dan kehendak mereka. Ini juga dapat membantu mereka untuk tidak boros berbelanja menggunakan wang bantuan yang diterima. Minimalisme adalah kehidupan yang dipenuhi dengan kegembiraan, kebebasan dan adanya kesedaran sendiri. Terutamanya pelajar yang telah dapat menyingkirkan perkara lain, mereka akan lebih dapat menumpukan perhatian kepada perkara yang lebih penting dalam kehidupan seperti pelajaran, kesihatan, hubungan silaturahim, minat, dan sumbangan terhadap masyarakat.

Limitasi kajian ini adalah ianya sampel saiz adalah kecil dan tidak dapat digeneralisasikan kepada semua penerima zakat fisabilillah. Kajian ini dianalisis dalam bentuk deskriptif sahaja. Ini kerana tiada data latarbelakang pelajar dalam bentuk data *continuous*. Ia menyukarkan penyelidik untuk analisis selanjutnya menggunakan analisis korelasi antara latarbelakang pelajar dengan gaya hidup materialistik, pemakanan dan kesihatan.

Implikasi kajian ini adalah pelajar fisabilillah dapat menjalani kehidupan dengan lebih sejahtera. Bagi golongan ini, dengan nilai kewangan antara RM200-RM500 satu semester adalah sangat besar dan diperlukan untuk menampung pembelian makanan terutamanya. Terdapat juga pelbagai perkara yang digunakan dengan wang zakat ini sebagai contohnya untuk urusan menyiapkan kajian tesis. Bebanan kewangan bagi golongan pelajar yang memerlukan ini, sewajarnya dibantu.

Cadangan hasil dari kajian ini adalah untuk mengadakan latihan tentang amalan gaya hidup minimalisme seperti yang diamalkan oleh orang Jepun dan negara maju. Pusat zakat juga dicadangkan menyediakan peluang bekerja dengan kemahiran dan pengetahuan yang pelajar ada seperti mengadakan kelas tuition dan mengaji bagi anak-anak pegawai UPM dan komuniti sekitar Serdang. Dicapadkan juga pelajar ini menyerapkan etika berkenaan hasil usaha sendiri lebih diberkati bagi mengurangkan gejala gaya hidup materialistik yang tidak sihat dalam kalangan pelajar. Prinsip yang memberi makna wang dan harta benda adalah keperluan untuk hidup mewah bukanlah sesuatu yang dibanggakan sebagai pelajar Melayu dan pelajar yang beragama Islam. Pusat zakat boleh melaksanakan sesi temubual untuk permohonan mendapatkan bantuan zakat fisabilillah dan juga “coach session” supaya pelajar akan mendapat alternatif dengan daya usahanya sendiri, apatah lagi sebagai pelajar diperingkat pengajian tinggi. Ini dapat mengurangkan kebergantungan pelajar yang lebih dari tiga kali mendapat bantuan daripada Pusat Zakat UPM.

**RUJUKAN:**

1. Azhar Ahmad Mustafa, Hairunnizam Wahid, & Sanep Ahmad. (2015). "Kesan Bantuan Zakat Terhadap Prestasi Akademik Pelajar: Kajian Terhadap Pelajar Tajaan Lembaga Zakat Selangor Di Institusi Pengajian Tinggi." Kertas kerja ini telah dibentangkan di Seminar Zakat Peringkat Kebangsaan, Universiti Malaya.
2. Baker, A. M., Moschis, G. P., Benmoyal-Bouzaglo, S., & dos Santos, C. P. (2013). How family resources affect materialism and compulsive buying: A cross-country life course perspective. *Cross-Cultural Research*, 47(4), 335–362.
3. Chaplin, L. N., & John, D. R. (2010). Interpersonal influences on adolescent materialism: A new look at the role of parents and peers. *Journal of Consumer Psychology*, 20(2), 176–184.
4. Fitzroy, J. Henry, F.J., Lawrence, B., Deonne Caines, D., & Eyre, S (2018) . The Challenge of Low-Income Families to Obtain Healthy Nutrition in Jamaica. *Journal of Primary Health Care and General Practice*. 2(2):1-3.
5. Fu, X., Kou, Y & Yang, Y ( 2015). Materialistic Values Among Chinese Adolescents: Effects of Parental Rejection and Self-esteem. *Child Youth Care Forum*. 44:43–57.
6. McArthur, H,L., Ball, L., Danek, A,C., Holbert, D. (2018). A High Prevalence of Food Insecurity Among University Students in Appalachia Reflects a Need for Educational Interventions and Policy Advocacy. *Journal of Nutrition Education and Behavior*, 50 (6), 564-572.
7. Mustofa, W & Fikri, M. (2011). Kecekapan pengurusan Kewangan Di Kalangan Pelajar Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. *Proceedings Commerce Department Research Colloquium 2011*. Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah.
8. Naim, M. (2018). Pelaksanaan SDGs dari sudut Pendidikan. *Lembaga Zakat Kedah*.
9. Norsuhailly Shaidin, Hairunnizam Wahid, & Sanep Ahmad. (2015). "Melokalisasikan Urus Tadbir Pengagihan Zakat Pelajar Tajaan Lembaga Zakat Selangor Di Institusi Pengajian Tinggi." Kertas kerja ini telah dibentangkan di Seminar Zakat Peringkat Kebangsaan, Universiti Malaya.
10. Peacock, E.J & Wong, P.T.P. (1990). The Stress Appraisal Measure (SAM): A multi-dimensional approach to cognitive appraisal: Special issue: II–IV: Advances in measuring life stress. *Stress Medicine* 6(3):227 – 236.
11. Podoshen, J. S., Li, L., & Zhang, J. (2011). Materialism and conspicuous consumption in China: A crosscultural examination. *International Journal of Consumer Studies*, 35(1), 17–25.
12. Siti Alida, J., A. & Halimah@Nasibah, A.(2007). *Kewangan dan Pelajar IPT*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
13. Sarah, A., S., Aisyah, A., R. & Hairunnizam, W. (2015). Pola Perbelanjaan dan Haddul Kifayah Zakat bagi Pelajar Sarjana Muda di UKM. *Jurnal Personalia Pelajar* 18(2): 44-61 Sekaran, U. & Bougi

**Appendix 1**

<b>Materialistik</b>		<b>Jumlah</b>	
<b>Kenyataan</b>		<b>Mean</b>	<b>Std. Dev</b>
1	Saya mengagumi orang yang memiliki rumah, kereta dan pakaian mahal	1.83	0.84
2	Beberapa pencapaian yang paling penting dalam kehidupan termasuk memperoleh harta benda	2.21	0.96
3	Saya tidak meletakkan penekanan kepada objek yang dimiliki orang sebagai tanda kejayaan	2.26	1.02
4	Saya suka mempunyai perkara yang menarik perhatian orang	2.58	0.87
5	Saya tidak banyak memberikan perhatian kepada objek material orang lain	2.53	0.71
6	Saya biasanya hanya membeli perkara yang saya perlukan	2.34	1.05
7	membeli-belah adalah perkara yang memberi keseronokan kepada saya	2.17	0.71
8	Saya suka membelanjakan wang untuk perkara-perkara yang tidak praktikal	2.40	1.06
9	Saya sukakan kemewahan dalam hidup saya	2.45	1.09
10	Saya kurang menitik beratkan perkara material daripada kebanyakan orang yang saya tahu	2.76	0.94
11	Saya mempunyai semua perkara yang saya perlukan untuk menikmati kehidupan	2.34	1.12
12	Kehidupan saya akan menjadi lebih baik sekiranya saya mempunyai perkara-perkara tertentu yang saya tidak ada	2.40	0.88
13	Saya lebih bahagia jika saya mampu untuk membeli lebih banyak perkara	2.45	0.96

	<b>Pemakanan dan kesihatan</b>	<b>Jumlah</b>	
		<b>Mean</b>	<b>Std Dev</b>
	<b>Kenyataan</b>		
1	Saya makan makanan yang seimbang	2.36	0.99
2	Saya makan buah-buahan dan sayuran segar	2.44	1.05
3	Saya mengurangkan kandungan garam dalam diet	2.40	1.03
4	Saya memastikan jumlah lemak yang digunakan	2.79	1.06
5	Saya mengurangkan pengambilan gula yang berlebihan dalam makanan/minuman	2.43	1.11
6	Saya perhatikan jumlah daging merah yang digunakan	2.63	1.06
7	Saya membuat senaman secara teratur	2.93	1.01
8	Saya mengelakkan makanan dengan tambahan dan pengawet	2.55	1.13
9	Saya akan berehat dan tidur yang mencukupi	2.42	1.09
10	Saya akan mengurangkan tekanan dan kebimbangan	2.30	1.08
11	Saya mengekalkan baki kerja dan bermain	2.49	0.96
12	Saya akan mengelakkan dari merokok	2.20	1.12
13	Saya membaca lebih banyak artikel yang berkaitan dengan kesihatan daripada tiga tahun lalu.	2.40	1.01
14	Saya berminat dengan maklumat kesihatan.	2.38	1.03
15	Saya mendapat berpengetahuan tentang maklumat pemakanan melalui label yang terdapat dimakanan tersebut	2.50	1.11
16	Saya mengumpulkan dan fahami maklumat pemakanan pada label	2.62	1.04
17	Saya memerhatikan bahan-bahan berbahaya dalam makanan	2.56	0.99
18	Saya berminat dalam pemakanan.	2.43	0.98